

## BAB KEENAM

### RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN

Menjalani kehidupan sebagai keluarga banduan bukanlah satu perkara yang mudah bagi suami, isteri dan anak. Siisteri, ditinggalkan suami dalam suasana penuh rasa malu dan tertekan adalah satu dugaan yang amat hebat baginya. Untuk isteri menghadapi masyarakat dengan perbuatan suami yang melanggar undang-undang negara itu adalah satu tamparan yang hebat. Isteri terpaksa menyara, memelihara nama baik keluarga, mengurus anak-anak dan mengurus diri tanpa dibantu oleh suami yang menjadikan diri mereka berada dalam keadaan tegang.

#### 6.1 RUMUSAN

Kita dapat melihat bentuk masalah yang dialami oleh keluarga banduan. Menjadi *de facto single parent* bukanlah perkara yang mudah tambahan pula berpunca daripada suami menjadi tahanan di penjara sebagai penyenayah. Segala bentuk masalah perlu ditangani dengan cekap dan kemas. Dalam hal ini, ada isteri yang berjaya mencapai tahap *bonadaptation* kerana segala tegangan dan masalah dapat diuruskan dengan baik.

Namun begitu ada juga isteri yang gagal menangani masalah yang dihadapi sehingga menjejaskan struktur dan

sosialisasi anak-anak. Suasana *maladaptation* menjadi begitu ketara apabila isteri merasakan segala yang terjadi adalah bebanan yang tidak mampu mereka selesaikan. Segala bentuk masalah yang timbul sepanjang mereka menjadi isteri kepada banduan adalah satu perkara yang sukar mereka hadapi.

Masalah utama ialah kewangan dan sara hidup. Dalam membincangkan hal ini, amat jelas masalah kewangan menjadi tunggak utama dalam keluarga banduan. Tanpa wang banyak aktiviti keluarga tergugat. Tanpa wang, isteri tidak boleh menyediakan keperluan yang secukupnya kepada anak-anak. Langkah pertama yang diambil oleh sesetengah isteri ialah mencari pekerjaan. Dengan cara ini mereka dapat mencari sumber rezeki supaya boleh terus hidup seperti orang lain.

Kemiskinan yang menghimpit keluarga banduan menyebabkan ada anak yang tidak boleh pergi ke sekolah seperti biasa, dan ada juga anak yang tidak disekolahkan. Anak-anak menjadi mangsa kemiskinan yang berpunca daripada sikap bapa yang tidak bertanggungjawab kepada diri dan keluarga. Keadaan kemiskinan yang dialami sebelum suami dipenjara bagi sesetengah keluarga menjadi bertambah serius apabila suami meninggalkan isteri tanpa sebarang wang simpanan.

Ada juga isteri yang sebelum ini dilimpahi dengan wang ringgit, kini hilang arah dan tujuan bila suami

dipenjarakan kerana tidak tahu mengendalikan keluarga dalam keadaan yang miskin. Ketegangan dalam keluarga khusus dari aspek kewangan semakin hebat apabila isteri tidak mendapat sokongan daripada anggota keluarga sama ada daripada pihak ibu bapa sendiri maupun mertua. Bagi isteri mereka terpaksa menggunakan masa dan tenaga yang mereka miliki menampung kehidupan berkeluarga.

Masalah kedua adalah masalah pengurusan anak-anak. Masalah ini adalah berat kepada isteri kerana mereka mesti menjaga, mengasuh dan mendidik anak-anak supaya menjadi manusia yang berguna. Namun begitu, tidak kesemua isteri berjaya melakukan sedemikian kerana isteri yang bekerja tidak mempunyai masa yang banyak untuk melayan karenah dan mengawasi pergerakan anak-anak. Ibu yang tidak mampu dari segi kewangan sudah pasti mempunyai ruang yang terhad untuk menyediakan kemudahan kepada anak-anak mereka.

Ibu juga terpaksa mengorbankan zaman kanak-kanak di kalangan anak-anak mereka. Ada anak-anak yang masih belum boleh diarah membantu ibu melakukan kerja rumah terpaksa melakukan kerja itu kerana ibu mencari rezeki. Ada anak yang masih bersekolah mengambil alih tugas bapa iaitu mencari rezeki.

Tidak kurang juga anak yang menjadi mangsa penceraian kerana ibu sudah tidak tahan dengan perangai bapa dan tidak sanggup menunggu kepulangan suami. Malahan

ada anak terpaksa menjalani kehidupan bersendirian bersama datuk nenek kerana ibu meninggalkan mereka untuk mencari kesenangan diri sendiri. Dalam kajian ini terdapat kes yang menunjukkan ibu terpaksa meninggalkan anak-anak kerana mereka tidak tahan hidup tanpa suami. Mereka perlu mencari pengganti suami. Dalam keadaan begini rupa, ibu telah mendatangkan masalah kepada anak-anak yang masih memerlukan perhatian ibu mereka.

Selain itu, ada juga anak-anak yang menjadi rebutan antara mertua dan isteri. Mertua merasakan cucu itu milik anak lelaki mereka. Hak isteri sebagai ibu kepada anak-anak tersebut diketepikan sehingga anak-anak tidak mengenali ibu sendiri, malahan ada mertua menghasut anak-anak sehingga anak membenci ibu.

Masalah ketiga adalah masalah pengurusan rumah tangga. Pada peringkat pertama isteri terpaksa bertindak menentukan kediaman mereka. Jikalau dirasakan keluarga mereka sering diganggu oleh jiran, mertua dan ibu bapa sendiri, mereka berpindah ke tempat baru. Bagi isteri yang merasakan ibu bapa boleh menerima keadaan yang terjadi kepada diri mereka, telah memilih rumah ibu bapa sendiri sebagai tempat berlindung dan bernaung sementara menunggu suami keluar dari penjara. Ada juga isteri yang kekal di kediaman mereka.

Dalam mengendalikan urusan rumah tangga isteri yang bekerja, menghadapi masalah untuk menjaga anak-anak. Bagi mengatasi masalah ini isteri telah meminta bantuan daripada saudara mara sendiri, ibu bapa, mertua, jiran dan kawan.

Masalah keempat adalah mengenai hubungan dengan anggota keluarga sendiri, mertua, jiran dan kawan-kawan. Apabila suami dipenjarakan, ada isteri dan anak-anak yang mengalami penyisihan di kalangan keluarga sendiri dan keluarga suami. Jiran juga menghina mereka kerana mempunyai suami yang jahat. Ketika ini, bagi golongan isteri yang mengalami masalah sedemikian rupa akan menjalani kehidupannya dengan jiwa yang tertekan dan sentiasa bersedih. Mereka kehilangan tempat bergantung dan juga mengadu. Di sinilah, isteri mencari tempat penganti iaitu kawan sekerja.

Masalah kelima berkaitan dengan perkahwinan isteri. Isteri yang masih memerlukan suami tersebut, mereka sanggup menunggu kepulangan suami. Sementara isteri yang merasakan mereka tidak sanggup menunggu suami selesai menjalani hukuman penjara, jiwa mereka tertekan kerana tiada nafkah batin. Mereka juga sering didesak oleh ibu bapa supaya menuntut cerai daripada suami akan bertindak meminta cerai daripada suami mereka yang berada di penjara.

Dengan masalah anak-anak, ketegangan hubungan antara mertua, ibu bapa, jiran dan diri sendiri, isteri terpaksa memikirkan jalan keluar untuk mengurangkan ketegangan tersebut. Ada isteri yang mencari teman lelaki, temanita dan golongan pondan sebagai tempat mengadu nasib. Dalam keadaan begini ada isteri yang terlanjur dengan teman masing-masing hingga seterusnya membawa satu masalah yang baru kepada mereka.

Ada juga isteri yang merasakan kekuatan iman dalam diri mereka dan bekerja gigih hingga badan menjadi letih adalah jalan keluar kepada masalah tekanan batin. Inilah kumpulan isteri yang merasakan mereka terpaksa bersabar dan mengawal kehendak nafsu mereka supaya perkahwinan mereka kekal.

Apabila memperkatakan tentang kewujudan masalah yang dihadapi oleh keluarga banduan, memang benar ada masalah yang wujud sebelum suami dipenjarakan dan selepas itu. Masalah yang dihadapi sebelum suami dipenjarakan adalah lebih jelas di kalangan keluarga yang renggang. Titik permulaan permasalahan dalam keluarga renggang ini telah menyebabkan masalah bertambah serius apabila suami dipenjarakan. Sementara keluarga yang harmoni mengalami kejutan dengan kejadian suami dipenjarakan, sudah tentu isteri mengalami kekecuhuan dalam mengendalikan keluarga yang terpaksa diuruskan sendiri sama ada dari segi anak-anak mahupun diri mereka sendiri. Keadaan bertambah

gawat apabila isteri mengalami tekanan perasaan kerana ketiadaan suami apabila mereka berhadapan dengan masalah dalam pengendalian rumah tangga.

Dalam mengatasi masalah yang dialami, isteri mengatur pelbagai strategi untuk memastikan masalah yang dihadapi dapat dikurangkan malahan dapat diatasi. Mereka juga menggunakan orang ketiga seperti, ibu bapa, mertua, jiran, adik beradik, kawan-kawan, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Jawatan Kuasa Keselamatan Kampung (JKKKK).

Sekalipun serak berai fungsi berlaku dalam keluarga banduan didapati siisteri masih berusaha melaksanakan fufsi mereka. Keluarga sebagai satu organisme yang saling bergantungan berusaha mengekalkan keseimbangan yang supaya kehidupan sentiasa stabil. Ada isteri yang merasakan segala *the dark side of the family* bukanlah jalan untuk memutuskan hubungan dengan suami di penjara dan membiarkan anak-anak bersendirian.

Namun begitu ada juga isteri yang mereka *de facto residential separation* adalah titik permulaan isteri menjalani kehidupan baru seperti orang bujang. Secara langsung menyebabkan akan membentuk krisis yang mendalam kepada anak-anak dan juga suami di penjara. Perkara ini bukan menjadi kesalahan isteri kerana isteri juga mempunyai hak untuk menikmati kehidupan keluarga yang bahagia. Ini adalah jalan yang isteri fikir terbaik untuk ditangani dan

mengadaptasikan segala tegangan yang dihadapi apabila suami berada di penjara.

## 6.2 IMPLIKASI

Daripada kajian yang dilakukan terdapat beberapa implikasi yang boleh dilihat. Kesan kepenjaraan amat berat kepada banduan yang mempunyai isteri dan anak. Banduan yang tidak mempunyai pendapatan yang tetap, tidak bekerja atau tidak mempunyai sumber kewangan yang boleh membiayai keluarga ketika banduan dipenjara akan menyukarkan kehidupan keluarga yang ditinggalkan. Isteri yang tidak mampu berdikari dan kental semangat juga akan memudahkan keadaan rumah tangga mereka tergugat.

Keadaan ketidakstabilan rumah tangga akibat suami sering keluar masuk penjara telah menyebabkan isteri lebih bersedia menghadapi ketiadaan suami, malahan ada isteri yang lebih gembira dan tenang apabila suami di penjara khususnya isteri yang bersuamikan penagih dadah. Sementara isteri yang pertama kali menghadapi keadaan suami dijatuhkan hukuman penjara, mempunyai rumah tangga yang harmoni dan isteri yang banyak bergantung dengan suami akan merasakan satu tekanan yang amat hebat.

Sementara kumpulan isteri yang tidak mampu menahan nafsu, mereka akan mencari teman baru. Akibat daripada ini, ada isteri yang tidak kuat iman akan

melakukan hubungan seksual dengan teman lelaki. Ini secara langsung menjelaskan hubungan dengan suami serta anak-anak.

Perceraian juga akan berlaku apabila, isteri tidak sanggup menunggu suami keluar dari penjara. Penceraihan ini sudah pasti mendatangkan masalah kepada suami dan anak-anak. Bagi suami, mereka hilang tempat untuk membina hidup baru apabila keluar dari penjara kelak.

Keengganan isteri dan keluarga menunggu dan menerima kepulangan suami hingga tamat hukuman meninggalkan satu kesan yang negatif pada jiwa banduan. Perasaan malu, marah, benci, kesal dan kecewa dengan sikap suami yang masih mengulangi perbuatan yang sama menyebabkan kebarangkalian bagi isteri menerima kepulangan banduan/suami adalah tinggi.

Dalam aspek hubungan suami dengan isteri, isteri dengan anggota keluarga yang lain akan mengalami masalah, jikalau keluarga tidak mahu memahami dan menerima hakikat yang berlaku kepada suami/anak/menantu mereka. Jalinan hubungan yang longgar boleh menyebabkan jiwa suami/anak/menantu semakin menekan. Keluarga mesti menerima hakikat kesalahan yang dilakukan oleh suami/anak/menantu dan perlu membantu membina semangat mereka untuk mengubah sikap diri kepada yang positif.

### 6.3 CADANGAN

Persatuan dan pertubuhan sukarela perlulah melibatkan diri dalam aktiviti melindungi keluarga banduan kerana tanpa sokongan moral dan bimbingan kaunseling kepada keluarga ini, masalah sosial yang dialami dalam negara akan bertambah lagi. Setakat ini belum ada program membantu keluarga banduan secara terbuka. Jika di Barat khususnya Amerika Syarikat, ada pertubuhan dan program untuk membantu keluarga banduan. Misalnya *Family Reunion Program*, yang dilakukan oleh *New York State Department of Correctional Services* dan *The Community Reintegration Project* adalah antara program yang dilaksanakan oleh penjara dan persatuan sukarela di Amerika Syarikat (Hoffman Calson & Cervera 1991). Program ini mendapat sambutan yang hebat daripada keluarga banduan di sana.

Selain itu segala bentuk kaunseling dilakukan kepada keluarga dan banduan di barat khususnya di Amerika Syarikat. Antara program yang dilaksanakan ialah *Family Service Program* yang dilakukan di Idaho State Correctional Institution dan *Family Education Center* di Washington State Reformatory yang bertujuan mendidik ibu bapa berkomunikasi dengan anak-anak, mendidik ibu bapa menghadapi suasana apabila anggota keluarga dipenjarakan (Jorgensen, Hernandez & Warren 1986).

Terdapat juga penglibatan tenaga sukarela kesihatan mental yang melakukan *Experimental Marital Workshop* di Kansas State Penitentiary (Showalter & Williams 1980). Tujuan mereka mencari idea dan langkah yang terbaik untuk isteri menghadapi situasi krisis apabila suami dipenjarakan.

Malahan penjara San Quentin, California Amerika Syarikat yang amat dikenali sebagai penjara yang begitu ketat kawalan telah menyediakan tempat khas untuk *conjugal visit* (Kwartler 1977). Pangsapuri dan kontena yang diubahsuaikan dijadikan tempat pertemuan banduan dengan isteri bersama anak-anak. Tempat khas ini memberi kesempatan kepada banduan bersama isteri dalam keadaan harmoni.

Program yang dilaksanakan di Amerika Syarikat, boleh menjadi contoh kepada pihak pengurusan penjara untuk melaksanakan program yang bersama. Lebih wajar lagi, jika persatuan yang berbentuk agama turut serta dalam usaha membantu keluarga banduan. Dengan cara ini, isteri dan anak-anak banduan dapat dibantu supaya tidak terjerumus dalam masalah yang semakin membebankan hingga boleh memusnahkan perkahwinan dan keluarga mereka.

Dalam konteks keluarga Islam, Jabatan Agama Islam, Pusat Islam dan Kariah Masjid boleh memainkan peranan supaya membantu dan membimbing isteri serta

anak-anak supaya sentiasa berada dalam keadaan yang terkawal dan terurus. Begitu juga persatuan agama Buddha, Kristian dan Hindu patut melakukan aktiviti kebajikan kepada keluarga yang seperti ini.

Dalam konteks ini, semua pertubuhan politik di negara ini juga boleh memainkan peranan dalam membendung masalah yang dihadapi oleh keluarga banduan seterusnya membentuk kesejahteraan masyarakat dalam negara kita. Bantuan kita kepada keluarga banduan bukan bererti kita mengizinkan atau menggalakkan individu melakukan kegiatan jenayah tetapi adalah atas dasar ehsan kita kepada isteri dan anak-anak yang tidak berdosa.

Persatuan Keluarga Banduan seharusnya ditubuhkan oleh pihak penjara dengan kerjasama badan kebajikan yang terdapat di Malaysia. Kewujudan persatuan ini, tidak boleh dianggap oleh mana-mana pihak sebagai mengalakkan individu melakukan jenayah tetapi kita bertujuan membela anak-anak khususnya dan isteri amnya. Jika dapat ditubuhkan persatuan bekas banduan, mengapa persatuan keluarga banduan tidak boleh dilaksanakan. Pada hakikatnya, persatuan keluarga banduan dapat membantu pihak penjara dan Jabatan Kebajikan Masyarakat dalam mengurangkan tekanan emosi di kalangan banduan. Kita harus sedar, banduan masih mempunyai hak asasi sebagai manusia oleh itu kebajikannya memerlukan prihatin daripada masyarakat.

Seterusnya, Pegawai Kebajikan dari Jabatan Kebajikan Masyarakat perlulah diberi ruang yang lebih terbuka untuk berurusan dengan banduan bagi melaksanakan tugas pemulihan, pencegahan dan penyeliaan kepada banduan dan orang yang terlibat dengan mereka. Berdasarkan pengurusan sebegini rupa dapat membantu penjara dan banduan khususnya supaya lebih yakin dengan terdapat diri mereka. Wajar Pegawai Kebajikan diberikan kerjasama oleh pihak penjara supaya matlamat Perkhidmatan Kebajikan yang dilaksanakan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat di penjara akan lebih berjaya.

Di samping itu, masyarakat ini termasuk anggota keluarga kepada banduan perlu mengambil berat tentang keluarga banduan; ini bukan bererti menganggu kehidupan mereka. Masyarakat perlu lebih peka tentang kesulitan dan kekecewaan isteri dan anak-anak banduan. Mereka tidak boleh membiarkan keluarga ini begitu sahaja. Sudah tiba masanya, kita mengiktiraf masalah keluarga banduan sebagai antara faktor yang boleh membantu meningkat masalah sosial dalam negara kerana kebahagiaan dalam keluarga memainkan peranan penting dalam pembangunan insan yang berguna kepada negara dan masyarakat amnya.

#### **6.4 CADANGAN KAJIAN LANJUTAN**

Kajian mengenai keluarga banduan perlulah dikaji secara terperinci dari sudut psikologi dan sosiologi. Bidang masalah sosial dalam konteks keluarga banduan boleh diperluas dengan melihat keadaan keluarga apabila isteri dijatuhkan hukuman penjara.

Seterusnya, kita juga meneliti perkembangan kebijakan sosial yang dilaksanakan di penjara bagi membantu banduan yang berumah tangga. Kajian mengenai keluarga banduan boleh dijadikan satu asas bagi menunjukkan kesan kepincangan rumahtangga yang bercorak lebih serius daripada kematian pasangan hidup.

Pada dasarnya kajian ini yang hanya dilakukan di Selangor dan Wilayah Persekutuan tidak boleh menggambarkan secara terperinci kehidupan keluarga banduan di seluruh Malaysia. Masih banyak aspek yang perlu dikaji khususnya dari sudut psikologi isteri dan anak-anak. Kajian mengenai reaksi anak-anak, ibu bapa, mertua dan saudara mara secara terperinci boleh dijalankan. Adalah menjadi harapan, kajian keluarga banduan ini menjadi titik permulaan kepada kajian dalam bidang ini secara meluas oleh penyelidik tempatan dalam melihat perkara ini sebagai satu masalah sosial.